Qalam

KDN. 2180 M.C.(P) 2813/58

Ṣafar 1386 **Jun 1966**

Bilangan 191 **60 sen**

Menyatukan Persaudaraan Islam

Jalālah al-Malik Faisal *al-Mu'azzam* raja bagi kerajaan Saudi Arabia yang menguasai Tanah-tanah Haram – Makkah dan Madinah – dalam masa-masa yang akhir ini telah menghidupkan semula hubungan persaudaraan di antara kerajaan-kerajaan Islam yang selama ini hanya berkenalan tetapi tidak terikat di dalam erti kata persaudaraan Islam yang sebenarnya; masing-masing kerajaan yang mendakwa dirinya sebuah kerajaan Islam hanya membawa haluan dan tujuan yang berasingan di antara satu sama lain.

Sebagai sifat baginda seorang raja yang menguasai *Ḥaramayn* (dua Tanah Haram Makkah dan Madinah), maka baginda merasa berkewajipan melaksanakan suatu tugas yang besar bagi mencari jalan untuk mengikat dan memperkukuhkan tali persaudaraan di antara satu negara Islam dengan negara Islam yang lain dengan lebih erat lagi dari masa-masa yang sudah. Dengan kerana itulah baginda sendiri baru-baru ini telah pergi melawat ke negeri-negeri jiran yang berhampiran seperti Iran, Sudan dan akhir-akhir ini baginda telah meneruskan lawatan mahabbah baginda ke negeri Pakistan, yaitu sebagai suatu langkah menarik perhatian seluruh dunia Islam untuk bersatu padu dan sama-sama berfikir demi untuk kemaslahatan dan kepentingan seluruh negara Islam. Ini adalah sebagai langkah menyambung lawatan baginda ke negeri-negeri Arab yang menjadi jiran dan sebangsa dengan baginda.

Lawatan *al-Malik* Faisal sebagai seorang raja yang cintakan perpaduan umat Islam ke negara-negara Islam yang berjiran, sudah tentu mendatangkan kesan-kesan yang sangat baik bagi mengukuhkan tali persaudaraan umat Islam sejagat yang terjalin di dalam ikatan yang satu . . . . .
satu Tuhan, satu Rasul, satu qiblat, satu agama
dan satu seruan serta satu cita-cita dan tujuan –
berjihad kepada jalan Allah sebagai suatu tugas –
tugas bagi setiap penganut agama Islam yang maha suci.

Di dalam siri lawatan baginda itu dengan sikap yang tegas baginda menyatakan di dalam beberapa ucapannya, betapa perlunya seluruh umat Islam bersatu padu dengan teguh dan bersikap tolong menolong dan bantu membantu di antara satu sama lain. Sikap *nafsū nafsī* dan membawa haluan masing-masing hendaklah dibasmi dan dihapuskan dari jiwa umat Islam di hari ini; kerana sikap tidak mengutamakan persaudaraan dalam Islam itu akan menceburkan umat Islam seluruhnya ke jurang kelemahan dan menjadi batu penghalang untuk mencapai kemajuan hidup di dunia dan Akhirat.

Meskipun baginda dapati setengah daripada negara-negara Islam di dunia ini masih belum dapat mengamalkan dasar persatuan Islam yang sebenarnya, namun begitu tidaklah kiranya ia mematahkan tujuan dan harapan baginda mencari perpaduan di dalam persaudaraan Islam dengan jalan tolong menolong dan bantu membantu di dalam semua hal. Usaha baginda itu hendaklah dijalankan terus dengan membawa dan mengajak pemimpin-pemimpin Islam yang suka hendak memperkukuhkan perpaduan serta yakin di atas kejayaan perpaduan yang dirancangkan itu.

Di dalam melaksanakan tujuan baginda yang mulia itu,

tidaklah hairan bakal timbul fitnah-fitnah yang didatangkan oleh kaum Yahudi dan Nasrani, kerana mereka tidak akan bersenang hati melihat sesebuah kerajaan Islam yang menjadikan agama (Islam) itu sebagai tiang kerajaan mereka, atau sebagai agama rasmi negara mereka, lebih-lebih lagi mereka (orang-orang Yahudi dan Nasrani) itu tidak akan bersenang hati kalau Islam dan umatnya bersatu di dalam kalimah *al-tawḥīd* (*Lā ilāha illā Allāh, Muḥammad rasūl Allāh*) yang menjadi lambang persatuan umat Islam.

Baginda mestilah memerhati pula, bahawa ada setengah-setengah negeri yang menamakan dirinya sebuah "negara Islam" atau pun yang menjadikan Islam agama rasmi negara, padahal pada hakikatnya ia masih lagi menjauhkan dirinya daripada bersatu dan tolong menolong, bantu membantu terhadap saudara-saudaranya negara-negara Islam yang lain; bahkan ada di antaranya yang dengan terang-terang menyebelahi kepada pihak yang menindas dan memperkosa umat Islam dan terus memutuskan perhubungan dengan saudara-saudaranya yang seagama, kerana corak politik di dalam negerinya dipengaruhi dan dikuasai oleh orang-orang yang bukan Islam.

Maka untuk menjauhkan ini semuanya, *Jalālah al-Malik al-Mu'aẓẓam* Faisal yang pada masa sekarang ini sedang bersungguh-sungguh untuk menaja persatuan negara-negara Islam itu, menurut pendapat kita, baginda hendaklah membuat dua rancangan yang besar dengan lebih luas, sebagaimana yang sudah mulai baginda asaskan:

Pertama: Merapatkan hubungan-hubungan di antara negara-negara Islam.

Kedua: Menaja asas-asas Islam dengan kukuh di negeri-negeri itu.

Bagi langkah yang pertama – sudah pun dimulai oleh baginda dengan baginda sendiri pergi melawat negara-negara Islam untuk menaja sebuah persatuan negara-negara Islam; seperti yang akhir sekali dibuat oleh baginda melawat negara Pakistan yang baginda[1] bila tatkala itu menghadapi pertelingkahan dengan negara India, dan pembelaan baginda itu adalah berdasarkan perjuangan umat-umat Islam di Kashmir.

Di dalam langkah yang kedua pula – perlu dijalankan jangka panjang yang akan memakan waktu dan masa, supaya persatuan negara-negara Islam itu bertambah kukuh dan kuat. Bantuan dari negara-negara Islam yang besar dan kuat kepada pertubuhan-pertubuhan yang yang[2] lemah di negara-negara Islam yang lain, yang masih lagi terletak di bawah pengaruh kekuasaan yang bukan berdasarkan cita-cita Islam yang tulen sejati. Bantuan-bantuan itu diberi ialah dengan cara memberikan sokongan kepada langkah dan usaha pertubuhan-perubuhan itu di dalam langkahnya menegak dan menghidupkan jiwa tauhid yang mendalam kepada umat-umat itu dan menghidupkan semangat persaudaraan Islam yang dibina oleh Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W). Sedapat mungkin persoalan-persoalan yang sentiasa memecahkan perpaduan umat Islam di dalam soal peribadatan – seperti persoalan *khilāfiyyah* – hendaklah diusahakan supaya tidak timbul dan tidak menjadi suatu persoalan yang rumit dan memecahkan perpaduan itu.

Bantuan-bantuan yang diberikan untuk tujuan ini bukanlah bantuan-bantuan untuk mengadakan binaan rumah yang besar-besar atau bangunan-bangunan yang indah-indah, tetapi bantuan yang dimaksudkan itu dalam usaha-usaha meluaskan lapangan seruan dan tabligh yang didasarkan kepada tujuan mempersatukan umat Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Untuk ini maka perlu dua perkara:

Pertama – Adanya kursus dakwah *Islāmiyyah* yang dapat menjadikan seseorang itu terjauh daripada menghidupkan persoalan *khilāfiyyah*.

Kedua – Bantuan yang boleh meluaskan usaha untuk mengadakan dakwah tersebut dengan

[1] Kesalahan percetakan.
[2] Kesalahan percetakan.